

28 JUN 1999

Kempen

BANYAK PIHAK MAHU TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA PENDEK

KUALA LUMPUR, June 28 (Bernama) -- Cadangan untuk mengadakan tempoh kempen pilihan raya singkat mendapatkan reaksi positif daripada pelbagai pihak yang berpendapat ia dapat mengurangkan ketegangan dan sesuai dengan keadaan semasa.

Presiden Persatuan Pelabur Malaysia Dr PHS Lim berkata beliau menyokong cadangan kempen pilihan raya yang pendek kerana ia tidak akan membebankan kepada sumber kewangan dan tenaga kerja.

Beliau berkata ia baik kepada pasaran saham kerana tidak banyak ketegangan, dan jika kematangan berpolitik wujud ia dapat mengurangkan gangguan terhadap pasaran.

Bagaimanapun, pelabur akan mengawasi pengumuman yang akan memberi petunjuk kepada tarikh pilihan raya kerana biasanya mereka akan mengumpul portfolio sebelum pilihan raya diadakan.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kayveas berkata, PPP menyambut baik cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tempoh berkempen pada pilihan raya sebaiknya dipendekkan.

"Kita tak perlu masa yang panjang untuk berkempen kerana rakyat pasti sudah mempunyai dan mengenal pasti calon yang akan mereka undi," katanya kepada Bernama.

Katanya, sekiranya parti-parti pembangkang menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai cukup masa untuk berkempen dan masa yang singkat ini menguntungkan pihak Barisan Nasional (BN) sahaja, perkara itu hanyalah gimik mereka.

"Malah parti pembangkang sudah lama berkempen dengan mengadakan ceramah-ceramah ke seluruh negara malahan sehingga berkempen di dalam internet.

"Kalau mereka mengatakan tempoh kempen yang dipendekkan itu tidak mencukupi, itu hanyalah satu gimik dan alasan yang tidak boleh diterima," katanya.

Pada pilihan raya 1995 lepas, tempoh berkempen ialah 10 hari.

Mengikut Seksyen 3 (1) Peraturan Pilihanraya 1981 (Perjalanan Pilihanraya), keseluruhan kempen pilihan raya boleh disempurnakan dalam masa 11 hari daripada tarikh pembubaran parlimen - di mana Suruhanjaya Pilihanraya mengeluarkan writ pilihanraya pada hari yang sama dengan pembubaran parlimen.

Peruntukan itu menyebut:

Apabila dikeluarkan suatu writ mengikut peruntukan seksyen 12 akta pilihanraya 1958, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menyiarkan suatu notis mengenainya dalam warta dan notis itu hendaklah menyatakan tarikh bila calon-calon untuk pilihanraya henak dinamakan, yang dalam peraturan-peraturan ini disebut "hari penamaan", yang tidak kurang daripada empat hari selepas tarikh disiarkan notis itu, dan tarikh atau tarikh-tarikh bila pengundian akan dijalankan jika sekiranya pilihanraya itu dipertandingkan, (yang disebut dalam peraturan-peraturan ini sebagai "hari mengundi") yang tidak kurang daripada tujuh hari selepas hari penamaan.)

Sementara itu, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata kenyataan Dr Mahathir untuk mengurangkan tempoh berkempen pilihan raya merupakan langkah yang baik dalam usaha mengekalkan demokrasi, keamanan dan kestabilan negara.

"Bagi kita kestabilan negara dan perpaduan antara rakyat lebih penting

daripada parti pembangkang. Pembangkang bukannya mahu menang (pilihan raya) tetapi hanya suka menjejaskan pilihan raya," kata Samy Vellu, yang juga Presiden MIC.

Sementara itu, di PULAU PINANG, Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang), Datuk Yusoff Abdul Latiff yang juga merupakan veteran UMNO berkata, cadangan Perdana Menteri untuk memendekkan masa berkempen bagi pilihan raya adalah demi kepentingan dan keselamatan negara.

Katanya, pemendekan masa itu tidak bermakna kerajaan tidak mengamalkan demokrasi dan Singapura, yang telah lama mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, juga hanya membenarkan tempoh berkempen diadakan selama sembilan atau 10 hari sahaja.

Yusoff berkata, memandangkan parti pembangkang telah lama memulakan kempen pilihan raya mereka, maka tidak perlulah tempoh itu dipanjangkan dan ini juga merupakan cara kerajaan mengawal supaya peristiwa pergaduhan kaum pada 13 Mei 1969 tidak berulang lagi.

Bagi bekas Setiausaha MIC Negeri, Datuk Vijaya Nathan, tempoh pemendekan itu bererti mengurangkan masa untuk "politiking".

Beliau merasakan pengundi sudahpun membuat pilihan terhadap parti yang akan mereka pilih dan tempoh masa berkempen yang panjang tidak akan membawa sebarang faedah.

Seorang lagi veteran politik di negeri ini, Datuk Koh Guat Kim tidak bersetuju tempoh pemendekan berkempen dilaksanakan kerana banyak isu yang perlu dijelaskan kepada rakyat.

Katanya, sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan demokrasi dan bertanggungjawab, ia perlu memberi lebih masa supaya pelbagai isu yang timbul sekarang dapat dijelaskan dengan sebaik mungkin kepada rakyat.

Sementara itu, di JOHOR BAHRU, Setiausaha Perhubungan Umno Johor, Datuk Mohd Ali Hassan turut menyokong cadangan itu kerana katanya, dalam keadaan sekarang kita tidak memerlukan tempoh berkempen yang panjang kerana mesej dan manifesto parti boleh disampaikan dengan mudah.

"Lagi pendek tempoh waktu berkempen, lagi baik untuk keselamatan negara dan ia boleh menghindarkan pelbagai perkara yang tidak diinginkan berlaku," kata Mohd Ali, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri, ketika dihubungi di sini hari ini.

Katanya, parti pembangkang di negara ini sudah lama menjalankan kempen-kempen mereka dan tidak timbul soal manifesto tidak kesampaian kepada pengundi.

Timbalan Pengerusi MCA Johor, Datuk Jimmy Low Boon Hong juga sependapat dengan pandangan Umno Johor dan langkah itu akan dapat mengelakkan pelbagai insiden dan kekacauan yang boleh mengorbankan nyawa rakyat.

"Kita mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai lapisan bangsa dan agama...sebagai parti yang bertanggungjawab terhadap keamanan negara, saya fikir masa yang singkat itu dapat menghindari perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku," katanya ketika dihubungi di rumahnya di Kluang.

Katanya, rakyat negara ini sudah cukup matang untuk membuat pilihan dan menentukan corak pemerintahan negara.

Sementara itu, Pengerusi Parti Rakyat Malaysia (PRM) Johor, Abdul Razak Ahmad berpendapat bahawa tempoh berkempen dalam pilihan raya umum akan datang itu tidak wajar dipendekkan, kerana ia akan menyukarkan pihak yang bertanding untuk menyampaikan manifesto masing-masing kepada pengundi.

"Saya tidak fikir akan berlaku kekacauan di sepanjang tempoh waktu berkempen. Kita perlu memberikan keadilan kepada semua pihak yang bertanding supaya mesej dan manifesto parti dapat disampaikan kepada pengundi," katanya.

Sebaliknya, beliau mencadangkan agar tempoh berkempen untuk pilihan raya umum diadakan dalam jangka masa tiga hingga empat minggu dan ini akan memberi ruang kepada parti untuk menyampaikan mesejnya.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dalam satu kenyataan hari ini menjelaskan beliau tidak pernah berkata kempen pilihan raya yang pendek adalah salah dari sisi undang-undang dan tidak berperlembagaan.

Beliau berkata kempen pilihan raya yang pendek diperuntukkan di bawah Seksyen 3 (1) Peraturan Pilihan raya 1981 (Perjalanan Pilihanraya) yang membenarkan kempen pilihan raya dalam tempoh 11 hari dari tarikh pembubaran Parlimen- dengan Suruhanjaya Pilihanraya mengeluarkan writ pilihan raya pada hari yang sama pembubaran Parlimen.

Beliau berkata apabila beliau menimbulkan soalan perlembagaan Jumaat lepas, beliau tidak bermaksud perundangan kempen pilihan raya yang pendek tetapi kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya, yang harus menanyakan pendapat parti-parti politik berkaitan tempoh pilihan raya yang sesuai dan adil.

-- BERNAMA

RZS AHH TM NER BH APG RI